

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 7 APRIL 2015

RUJUKAN : 7623

SOALAN:

Tuan Lim Guan Eng (Bagan) minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan keputusan siasatan polis terhadap kenyataan fitnah oleh YB Bera, bekas Timbalan Menteri Dr. Mashitah Ibrahim dan Ketua Bahagian UMNO, Datuk Zaidi Mohd Said terhadap masyarakat Cina. Apakah kepentingan nasional kepada Malaysia yang dibantu oleh Paul Phua, pakar judi yang kini ditahan oleh Federal Bureau of Investigation (FBI).

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak pernah mengamalkan sikap memilih bulu di dalam melaksanakan tindakan penguatkuasaan. Justeru itu, pihak polis telah menjalankan siasatan bersabit Sentul Report 20032/2015 bertarikh 5 Disember 2014 berkaitan dengan ucapan yang dibuat oleh Datuk Dr Mashitah Ibrahim berhubung pembakaran Al-Quran oleh kaum Cina di Kedah dan Tun HS.Lee Report 4237/2015 bertarikh 3 Februari 2015 berkaitan dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani terhadap peniaga-peniaga Cina.

Buat masa ini, semua percakapan telah diambil dan siasatan masih lagi berjalan. Sehubungan itu, saya tidak berhasrat untuk mendedahkan maklumat siasatan tersebut bagi mengelakkan daripada mengganggu proses siasatan. Siasatan telah dijalankan berkaitan Sentul Report 20032/2015 bertarikh 5 Disember 2014, di bawah seksyen 505 (b) Kanun Keseksan iaitu kesalahan yang melibatkan kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam. Kertas siasatan telah dirujuk ke pejabat Peguam Negara pada 5 Februari 2015 dan menunggu arahan selanjutnya.

Berhubung dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh YB Datuk Seri Ismail Sabri Yaakub tentang kenyataan beliau mengajak orang ramai memboikot peniaga Cina yang menguasai perniagaan. Pihak polis

telah menjalankan siasatan berkaitan THSL Repot 4237/2015 pada 3 Februari 2015. Pada masa kini semua percakapan telah diambil dan siasatan masih lagi diteruskan.

Bagi isu Paul Wei Seng Phua atau Paul Phua pula, Kerajaan tidak bercadang untuk mendedahkan apa-apa jua maklumat yang berkaitan dengan Paul Phua kerana ia adalah di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972.